# Kertas Bil. 17/2019

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 18 - 22 MAC DAN 25 MAC 2019**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN**

**(JPK- PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**BERHUBUNG PEKERJA LADANG**

**KERTAS BILANGAN 5/2019**

---

# MAKLUM BALAS PENYATA PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKAITAN ISU PEKERJA LADANG YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019 PADA 18 MAC – 22 MAC 2019 DAN 25 – 26 MAC 2019

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 5 / 2019 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKAITAN ISU PEKERJA LADANG** | 5.1 JTK perlu lebih tegas terhadap majikan yang tidak mematuhi peraturan yang terkandung dalam Akta Standard-Standard Minimum dan Kemudahan Pekerja 1990 (AKTA 446). Isu-isu seperti bekalan air, penyelenggaraan kuarters pekerja ladang, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, saliran banjir, jalanraya, lampu jalan, kebersihan estet memang cukup jelas di bawah tanggungjawab pengusaha ladang dan harus diambil tindakan sekiranya gagal dipatuhi. JTK perlu lebih proaktif dan tidak berkompromi dengan pengusaha ladang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam AKTA 446. | | ✓ | Isu yang ditimbulkan melibatkan Ladang Sungai Tinggi (kini dikenali sebagai Ladang Tagar 1) dan Ladang Mary (kini dikenali sebagai Ladang Tagar 2). Ladang ini diurus tadbir oleh Berjaya City Sdn. Bhd. dan kemudian telah ditukarmilik kepada Tagar Properties Sdn. Bhd.<br><br>Tagar Properties Sdn. Bhd. menguruskan 3 buah ladang miliknya iaitu Ladang Tagar 1, Ladang Tagar 2 dan Ladang Tagar 3. Sebanyak 77 buah rumah ladang dihuni oleh bekas pekerja dan bukan tanggungan pekerja yang melibatkan seramai 365 orang. Mereka ini telah menduduki rumah tersebut sebelum Tagar Properties Sdn. Bhd. mengambilalih ladang ini. Mereka enggan mengosongkan rumah walaupun surat rasmi telah dikeluarkan kepada mereka dengan alasan menunggu Berjaya Group Sdn. Bhd. menyediakan rumah untuk mereka. Majikan Tagar Properties Sdn. Bhd. tidak pernah membuat sebarang perjanjian dengan bekas pekerja Berjaya City Sdn. Bhd. untuk menyediakan perumahan kepada mereka. Mereka sebenarnya tidak layak menduduki rumah pekerja ladang kerana telah tidak bekerja di ladang tersebut.<br><br>Jabatan Tenaga Kerja menguatkuasakan Akta Kerja 1955 (Alta 265) dan Akta Standard- |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Standard Minimum Perumahan Pekerja 1990 (Akta 446) melalui pemeriksaan berkanun secara berkala dan berjadual. Selain itu, pemeriksaan ke atas majikan juga dilaksanakan sekiranya terdapat aduan. Berdasarkan rekod, tiada aduan diterima daripada pekerja-pekerja di ladang tersebut atau Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW). Walaupun tiada aduan, pemeriksaan berkanun berjadual masih dijalankan ke atas majikan-majikan tanpa mengira sektor termasuk sektor perladangan.<br><br>Satu lawatan telah diadakan ke ladang milik Tagar Properties Sdn. Bhd. dan bertemu dengan pekerja-pekerja yang masih bekerja di ladang mendapati:-<br><br>1) Pekerja berpuashati dengan perumahan dan kemudahan yang disediakan oleh majikan. Isu yang ditimbulkan adalah daripada bekas pekerja yang telah tidak bekerja dengan majikan ladang ini.<br><br>2) Hasil lawatan dan pemeriksaan secara berjadual oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mendapati majikan menyelenggara dan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti yang terkandung dalam Akta 446 manakala bagi perkara-perkara yang di luar bidangkuasa JTK, dipantau oleh agensi |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | terlibat seperti bekalan air dipantau oleh Pejabat Kesihatan Daerah secara berkala.<br><br>3) Majikan turut menyediakan kemudahan-kemudahan asas di dalam kawasan ladang seperti klinik yang diketuai oleh Pembantu Perubatan (MA) dan sekolah rendah milik penuh kerajaan manakala sekolah menengah terletak di luar kawasan ladang tetapi majikan menanggung 70% kos pengangkutan ke sekolah.<br><br>Oleh itu, segala isu yang dibangkitkan adalah tidak berasas berdasarkan pemantauan yang dibuat secara berjadual oleh JTK dan agensi lain yang terlibat. |
| | | 5.2 Bagi menjamin ketelusan, disarankan Mesyuarat Jawatankuasa Ladang yang dipengerusikan oleh Pengarah JTK Selangor menjemput Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ahli Parlimen yang mempunyai estet di kawasan mereka serta wakil Kerajaan Negeri untuk hadir ke mesyuarat tersebut sebagai pemerhati. | | | Cadangan akan diambil maklum. |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |
| | | 5.3 Kerajaan Negeri Selangor perlumemberipeluangkepada bekaspekerjaladanguntukme mbeliRumahSelangorKu (RSKU) jenis A. | | | Permohonan diterima mengikut syarat-syarat kelayakan. |
| | | 5.4 RSKU jenis A perludibangunkan di kawasanluarbandar juga. | | | Kerajaan sentiasa terbuka kepada pihak yang berminat membina RSKU di kawasan yang mempunyai tanah dan peruntukan yang mencukupi. |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.5 Peruntukansubsiditambang bas yang diberikepadaanak-anakpekerjaladang yang bersekolahrendahdipanjangkankepadaanak-anakpekerjaladang yang bersekolahmenengah. | | | |

Pengesahan dan Cop Rasmi

..............................................................

**Y.B TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosioekonomi dan Kerajaan Prihatin

Pengesahan dan Cop Rasmi

..............................................................

**Y.B PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar